

12/05/2003

Semua dapat nikmat (HL)

Kadir Dikoh; Misiah Taib; Veena Rusli; Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Umno yang ditubuhkan 57 tahun lalu, banyak berjasa kepada negara serta rakyatnya dan terbukti memberi nikmat kepada semua, terutama orang Melayu. Malah, perjuangan Umno turut mengharumkan nama Malaysia di mata dunia.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Maha thir Mohamad yang berucap pada majlis Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Umno ke-57 di Stadium Merdeka di sini, malam tadi berkata, tidak seorang pun boleh mendakwa mereka tidak mendapat nikmat hasil daripada perjuangan Umno yang meletakkan kepentingan bangsa, agama dan tanah air sebagai matlamat utamanya.

Perdana Menteri berkata, orang Melayu khususnya generasi muda, perlu mensyukuri nikmat yang diterima dan tidak wajar mengamalkan budaya meminta-minta untuk mendapatkan kesenangan dengan cara mudah.

Nikmat utama, katanya, ialah kemerdekaan negara daripada belunggu penjajahan British pada 1957 dan pembangunan yang menyusul hasil usaha pentadbiran kerajaan yang mengamalkan dasar bekerjasama dengan kaum lain di negara ini.

"Saya bangga melihat generasi muda menyertai Umno, tapi perjuangan ini bukan untuk diri sendiri. Ia adalah perjuangan untuk bangsa, agama dan tanah air. Inilah perjuangan Umno dan kita harus ingatkan diri kita mengenai perjuangan itu. Kita tanya apa kita dapat, 'what do I get'.

"Tiada orang Melayu yang boleh berkata dia tak terima apa-apa pun. Pertama, kemerdekaan negara kita. Dia mendapat nikmat daripada pembangunan negara kita. Dapat bekalan elektrik, air, anak ke sekolah, masuk universiti dan jadi doktor, lawyer (peguam), engineer (jurutera).

"Diri sendiri mungkin tak dapat tapi kita dapat nikmatnya. Kita semua dapat. Ya, saya dapat lebih daripada orang lain, dapat jadi Perdana Menteri, naik motokar besar, elaun banyak, dapat pergi luar negara, naik kapal terbang milik kerajaan. Itu bukan main-main, kerana kerja," katanya.

Lebih 40,000 ahli Umno dari seluruh negara tidak berganjak daripada tempat duduk masing-masing sepanjang ucapan itu meskipun dalam keadaan hujan renyai-renyai.

Terdahulu, ketibaan Dr Mahathir pada jam 8.35 malam disambut oleh timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung parti, Tan Sri Khalil Yaakob. Perdana Menteri kemudian menaiki kereta kuda mengelilingi stadium, diiringi 57 motosikal kuasa besar, jumlah yang seusia Umno.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; isteri Abdullah, Datin Seri Endon Mahmood; ketiga-tiga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Najib Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan semua ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Dr Mahathir menasihatkan rakyat Malaysia terutama orang Melayu supaya tidak leka berikutan ancaman bahaya penjajahan bentuk baru oleh kuasa besar yang sanggup bertindak ganas dan tidak adil.

"Inilah tanggungjawab Umno sebagai benteng bagi masyarakat Melayu baik mereka yang dewasa, veteran dan orang muda. Mereka adalah daripada satu pasukan iaitu pasukan Umno dan sebagai Umno mereka perlu rapatkan barisan mereka.

"Apabila mereka rapatkan barisan dan menghala ke depan dengan ilmu pengetahuan dan hati yang tabah, semangat yang kuat, ia akan mematahkan musuh di dalam atau luar Malaysia.

"Ingatlah pada ulang tahun ke-57 ini, bukan saja kita patut gembira, tapi memperingati diri kita mengenai perjuangan kita dulu. Sedarlah bahawa bahaya yang kita hadapi sekarang," katanya.

Beliau berkata, bahaya yang dihadapi sekarang, tidak kurang besarnya daripada yang dihadapi ketika orang Melayu khususnya ketika menentang penjajah dulu.

"Mereka mahu menindas kita. Lihatlah apa yang berlaku kepada Afghanistan, Iraq dan ancaman terhadap Syria. Jangan fikir negara Islam di rantau Arab saja menghadapi tekanan sedemikian.

"Jika kita lemah, mereka (kuasa besar) akan cuba menjatuhkan Umno kerana parti ini menjadi benteng yang pertahankan kemerdekaan negara ini," katanya sambil mengingatkan mereka supaya terus bersatu padu.

"Insya-Allah jika kita rapatkan barisan, kuasai ilmu sehingga jadi bangsa maju, yang sama maju dengan bangsa maju yang lain, maka doa dan sembahyang hajat kita akan dimakbulkan," katanya.

Sekarang ini Dr Mahathir berkata, Malaysia dikagumi dunia kerana pembangunan pesatnya dan kecekapan pentadbiran sehingga dipilih untuk mengetuai pelbagai badan antarabangsa termasuk bertindak selaku juru cakap negara berkecuali (NAM) pada mesyuarat kumpulan lapan (G8) di Paris, Jun ini.